

03 OCT 2003

PEMILIK KAPAL LAYAR DIPELAWA GUNA TELAGA HARBOUR PARK DI LANGKAWI

LANGKAWI, 3 Okt (Bernama) -- Telaga Harbour Park, sebuah marina kapal layar yang moden yang dilengkapi dengan kompleks komersil di Pantai Kok, di sini sudah mulai beroperasi sejak pertengahan bulan lepas dan pemilik kapal-kapal layar dipelawa menggunakannya.

Pelayar negara yang juga penasihat projek, Datuk Azhar Mansor berkata kemudahan marina yang boleh menempatkan 100 kapal layar itu telah dibuka pada 15 Sept lepas.

"Bangunan kedai dua tingkat yang berkonsepkan Mediterranean di kawasan berkenaan juga sudah beroperasi, begitu juga dengan restoran, steysen minyak dan sebuah bank, manakala pembinaan hotel tiga bintang akan dimulakan bulan depan," katanya.

"Telaga Harbour Park menawarkan kemudahan yang setara dengan pelabuhan marina yang terdapat di negara-negara lain," katanya kepada pemberita selepas mengiringi lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke marina tersebut hari ini.

Projek itu dijalankan oleh beberapa syarikat swasta di atas kawasan seluas 12 hektar dengan perbelanjaan keseluruhan RM40 juta.

-- BERNAMA

MZM AZH